

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah definisi tenaga hidro skala besar. Apakah status serta peranan tenaga hidro skala besar dalam strategi pembangunan tenaga boleh baharu (TBB) negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam perancangan pembekalan elektrik negara, tenaga hidro berskala besar didefinisikan sebagai penjanaan elektrik daripada loji jana kuasa hidro berkapasiti melebihi 30MW. Sehingga suku ketiga tahun 2020, jumlah kapasiti terpasang bagi sumber hidro berskala besar dalam pembekalan elektrik negara adalah sebanyak 5,442MW atau kira-kira 15% daripada jumlah keseluruhan kapasiti terpasang.

Penjanaan elektrik daripada sumber hidro dapat memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap pada kos yang lebih rendah berbanding sumber-sumber penjanaan yang lain. Selain itu, proses penjanaan elektrik daripada loji jana kuasa hidro tidak membebaskan gas rumah kaca (GHG) dan sewajarnya diambil kira sebagai Tenaga Boleh

NO. SOALAN : 16

Baharu dalam perancangan pembekalan elektrik negara. Sekian, terima kasih.